

KES DERA

Masyarakat perlu peka, tampil beri kerjasama

Negara baru-baru ini dikejutkan dengan kisah seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun yang ditemui dalam keadaan lemah dan kelaparan, disyaki dibiarkan berseorangan di rumah kosong tanpa bekalan elektrik dan air sejak November tahun lalu.

Persoalannya, mengapakah isu pengabaian dan penganiayaan kanak-kanak sering berlaku? Kisah membabitkan pelajar Tahun Satu di Sungai Dua, Pulau Pinang itu bukanlah sesuatu yang jarang kita dengar.

Negara mempunyai undang-undang berkaitan perlindungan kanak-kanak yang wujud seawal tahun 1947 dengan adanya Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak pada tahun 1991.

Pembaharuan undang-undang

Bagaimanapun, menyedari hakikat terdapat keperluan mengubah hala tuju konsep perlindungan terhadap kanak-kanak dan juga mengakui bahawa perlunya pembaharuan dalam undang-undang sejajar perkembangan semasa, maka satu akta khusus dan komprehensif mengenai kanak-kanak digubal dan diluluskan iaitu Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002.

Akta 611 merangkumi pelbagai isu penting mengenai perlindungan kanak-kanak di Malaysia. Antara perkara pokok diketengahkan adalah tugas dan tanggungjawab ibu bapa ataupun

Dong tegas

perlu mengkaji
2001, bagi me-
nyurinya dikenakan
menjaga yang men-
kanak di bawah

in Pencegahan Je-
je Lem Thy, ber-
malan, selain per-
an lebih berat ter-
kan kesihatan.
na Menteri Pem-
yaga dan Masya-
rahi Abdul Karim
se sedia ada tidak
ini isu kecutian
kanak-kanak.
an dalam meny-
maka ia perni-
tu dengan kea-
undang baharu
perlu.
dengan aktiviti
lastikan keber-
berhabat dalam
katanya mem-
maham.
rekan, akta ba-
huan

Polis percaya budak
perempuan berusia tujuh
tahun, yang disyaki
menjadi mangsa dera bapa
lembangnya di sebuah flat de-
kat Sungai Dua di sini, diku-
rung sejak November lalu.
Ketua Polis Daerah Seber-
ang Prai Utara (SPU), Asisten
Komisioner Abdul Rahman Ibra-
him, berkata mangsa diper-

KES KANAK-KANAK DIKURUNG

Murid dipercayai kena dera

» Budak trauma
dua bulan
dalam rumah
tidak bekalan
air, elektrik

Oleh Siti Fatimah Mohamed
Anwar, Ernah Anwar dan Nur
Izzati Mohamed
bhnews@bh.com.my

Butterworth

Polis percaya budak
perempuan berusia tujuh
tahun, yang disyaki
menjadi mangsa dera bapa
lembangnya di sebuah flat de-
kat Sungai Dua di sini, diku-
rung sejak November lalu.
Ketua Polis Daerah Seber-
ang Prai Utara (SPU), Asisten
Komisioner Abdul Rahman Ibra-
him, berkata mangsa diper-



kepada arahan Timbalan Pe-
dakwa Raya.

"Laporan perubatan mend-
pati tidak ada sebarang kes-
kecederaan pada tubuh man-
sa. Kanak-kanak ini masih di-
dalam rawatan hospital dan
akan diserahkan kepada Jabat-
an Kebajikan Masyarakat
(JKM) selepas siasatan selesai,"
katanya.

Sementara itu, Timbalan
Menteri Pembangunan Wira-
ta, Keluarga dan Masyarakat
Datuk Paduka Chew Mei Fun
berkata JKJ akan menjaga li-
ma beradik tiri mangsa, se-
kitarnya ibu mereka terus di-
tahan.

"JKM bertanggungjawab
menjaga dan melindungi ka-
nak-kanak yang berusia berse-
sis tahun dan kita akan mem-
bantu memastikan kebajikan
kanak-kanak berkenaan ter-
jaga.

"Apapun yang berlaku
anak-anak tidak bersalah dan
akan dilindungi oleh JKJ," ka-
tanya ketika ditemui selepas

Keratan akhbar bertarikh 20 Januari 2015 mengenai kes dera kanak-kanak.

penjaga dalam memelihara ke-
sejahteraan kanak-kanak dan
tanggungjawab memaklumkan
kes penderaan kanak-kanak.

Lantaran itu, seksyen 31(1) Ak-
ta 611 memperuntukkan bahawa
ibu bapa atau penjaga boleh di-
anggap mengabaikan seseorang
kanak-kanak jika tidak menyedia-
kan kanak-kanak berkenaan ma-
kanan, pakaian, rawatan peruba-
tan atau peragaan, penginapan
atau pemeliharaan yang mencu-
kupi sekiranya beliau berup-
aya menyediakannya.

Jika seseorang itu didapati ber-
salah di bawah seksyen ini, maka
hukuman yang berat boleh di-
kenakan iaitu denda tidak me-
lebihi RM10,000 atau penjara ti-
dak melebihi 10 tahun atau ke-
dua-duanya. Walaupun seksyen

berkenaan memperuntukkan hu-
kuman keras, masih ada ibu bapa
ataupun penjaga tidak ambil ki-
sah.

Hukuman lebih keras

Terdapat juga beberapa cada-

“
Tindakan pantas
diambil seorang guru
dalam kes kanak-
kanak perempuan
berkenaan harus
menjadi contoh kepada
semua masyarakat”

ngan untuk meminda Akta 611
bagi memperuntukkan hukuman
lebih keras ke atas pesalah se-
lain juga cadangan membuat ak-
ta baharu khusus mengenai tang-
gungjawab ibu bapa dan penjaga
terhadap anak mereka.

Segala cadangan dikemukakan
adalah baik dan seharusnya di-
laksanakan. Namun, apa yang le-
bih penting di sini ialah aspek
penguatkuasaan undang-undang
terbabit yang dilihat perlu dilak-
sanakan pada sepanjang masa.

Pihak kerajaan serta pertub-
han bukan kerajaan berkaitan
hendaklah sentiasa mendidik ser-
ta memberi kesedaran kepada
ibu bapa atau penjaga mengenai
tugas hakiki mereka melindungi
anak mereka daripada sebarang
ancaman yang boleh menjej-
-

FORUM

Pembaca
yang ingin
menyuarakan
pandangan
berhubung isu
semasa boleh
menghantar
sumbangan
menerusi e-mel:
bhforum@
bh.com.my

kan kesejahteraan kehidupan
mereka serta memaklumkan ke-
pada mereka mengenai perun-
tukan undang-undang yang bo-
leh diambil terhadap mereka se-
kitarnya mereka tidak menjaga
anak mereka dengan baik.

Peka keadaan sekeliling

Masyarakat sekeliling juga hend-
daklah sentiasa peka dengan apa
yang berlaku sekeliling mereka.
Jiran tetangga juga hendaklah
ambil kisah mengenai apa yang
berlaku dalam kalangan jiran
mereka jika menyaki sesuatu
yang tidak kena.

Tindakan pantas diambil se-
orang guru dalam kes kanak-
kanak perempuan berkenaan harus
menjadi contoh kepada semua
masyarakat untuk tampil berani
memberi kerjasama dengan pi-
hak berkuasa untuk menges-
an sebarang kes yang mungkin
melibatkan penganiayaan atau-
pun pengabaian terhadap sese-
orang kanak-kanak.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia